



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 20 JANUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RAMPAS LIMA KAPAL BERSAMA TANGKAPAN BERNILAI RM1.9 JUTA, LOKAL, HM -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	EMPAT NELAYAN MYANMAR DICEKUP, NEGARA, KOSMO -16	
3.	LIMA VESSEL, IKAN RM1.9 JUTA DIRAMPAS DI LANGKAWI, NEGARA, KOSMO -16	
4.	JABATAN PERIKANAN SITA BOT, HASIL TANGKAPAN RM1.9 JUTA, DALAM NEGERI, UM -30	
5.	HARGA IKAN, SOTONG MASIH MAHAL, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN
6.	HARGA IKAN NAIK, BEKALAN KURANG, DALAM NEGERI, UM -29	
7.	ELIGIBLE PIG FARMERS TO RECEIVE CASH AID, NATION, SIN CHEW DAILY -6	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2023	HARIAN METRO	LOKAL	16

Rampas lima kapal bersama tangkapan bernilai RM1.9 juta

Langkawi: Gerakan bersama padu Jabatan Perikanan dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu selama lima hari di perairan utara Semenanjung menyaksikan lima kapal bersama tangkapan bernilai RM1.9 juta dirampas.

Operasi disertai 25 anggota membabitkan penguat kuasa Jabatan Perikanan dan PPM Wilayah Satu bermula pada Ahad lalu dan berakhir di Langkawi, semalam. Pengarah Perikanan Kedah, Sukri Deris berkata, dalam operasi itu, lima kapal penangkapan ikan tempatan ditahan kerana melanggar Akta Perikanan 1985. "Hasil rondaan yang dilakukan, tiga tangkapan berjaya dilakukan di perairan Pulau Langkawi, manakala dua lagi berhampiran Kuala Kedah. "Seramai 20 nelayan warga Thailand dan Kem-



66
Seramai
20 nelayan warga
Thailand dan
Kemboja berusia
ditahan
Sukri

boja berusia 20 hingga 60 tahun ditahan bersama hasil tangkapan ikan campur seberat 1,700 kilogram, katanya pada sidang media di Pejabat Perikanan Daerah Langkawi di sini, semalam.

Sukri berkata, keseluruhan hasil rampasan sepanjang operasi itu dianggarkan RM1.9 juta membabitkan lima kapal pukat tunda berserta hasil tangkapan. "Pemeriksaan mendapati semua kapal terabit melakukan kesalahan melanggar syarat sah lesen iaitu melakukan tangkapan ikan dalam zon yang tidak dibenarkan serta menggunakan peralatan tidak mengikut spesifikasi," katanya.

SUKRI (kanan sekali)
melakukan pemeriksaan
ke atas pukat yang
dirampas. - Gambar
NSTP/HAMZAH OSMAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2023	KOSMO	NEGARA	16

Empat nelayan Myanmar dicekup

GEORGE TOWN — Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan yang dikendalikan empat nelayan Myanmar yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenal diri di sekertari perairan Pulau Kendi kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Abd. Razak Mohamed berkata, pihaknya telah memeriksa sebuah bot nelayan tempatan kelas C ketika me-

laksanakan rondaan Op Pertiwi, kira-kira pukul 3.15 petang.

"Bot nelayan tempatan yang berpagkalan di Hutan Melintang, Perak ini ditahan di kedudukan 52 kilometer dari Pulau Kendi.

"Bot itu dikendalikan seorang tekong dan tiga kru Myanmar berumur antara 30 hingga 45 tahun dan kesemuanya tidak memiliki sebarang dokumen pengenal diri serta melanggar syarat sah lesen bot," katanya dalam

kenyataan semalam.

Menurutnya, warga asing terabit disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 iaitu tiada permit mengajukan warga asing.

"Bot dan kesemua kru termasuk kira-kira 200 kilogram hasil laut dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban sebelum diserahkan kepada Pegawai Penyiasat APMM untuk tindakan," ujarnya.



NELAYAN Myanmar ditahan APMM di perairan Pulau Kendi, Pulau Pinang kelmarin.

Peniaga dakwa ramai nelayan tidak turun laut biarpun cuaca semakin baik

Harga ikan, sotong masih mahal

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN


KUALA TERENGGANU — Biarpun keadaan cuaca di negeri ini semakin baik, harga hasil laut seperti ikan, sotong dan udang masih lagi dijual mahal.

Tinjauan di beberapa pasar basah di bandar rayu ini mendapati, harga sotong mencéeah RM45 sekilogram (kg), ikan kembung (RM20/kg), ikan selar (RM16-RM20/kg), ikan kerisi (RM14-RM16/kg), ikan sardin (RM14/kg) dan ikan tongkol (RM14/kg).

Seorang pengguna, Fauzi Embong, 48, berkata, dia terpaksa mengehadkan pembelian ikan dan hasil laut kerana harganya yang masih melambung.

Menurutnya, harga masih tidak turun walaupun banjir besar sudah lama berakhir pada hujung Disember tahun lalu.

"Dahulu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pernah berjanji untuk membantu bawa bekalan ikan dari Pantai Barat



HISHAM (kiri) melayan pelanggan di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu semalam.

bagi menstabilkan harga di negeri ini yang terjejas akibat Monsun Timur Laut.

"Begitupun ia tidak berlaku, harga beberapa jenis ikan dan hasil laut masih lagi mahal," ka-

tanya kepada Kosmo/semalam.

Seorang lagi pengguna, Noraini Rahman, 43, memberitahu,

dia sekeluarga telah beralih kepada ikan sejuk beku yang dijual di pasar raya besar kerana harga lebih murah.

"Kami enam beranak tidak mampu untuk makan hasil laut segar pada masa ini.

"Ikan-ikan marhaen seperti sardin, selayang dan kerisi pun sudah mahal dan hanya mampu dibeli sekali-sekala," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga, Hisham Mohamad, 33, menjelaskan, harga hasil laut di Terengganu masih mahal kerana tidak ramai nelayan turun ke laut.

"Kebanyakan mereka biasanya masih bercuti ekoran musim tengkujuh masih berlangsung dengan ada harinya laut masih bergelora.

"Kami menjangkakan mereka akan kembali tunun ke laut selepas perayaan Chap Goh Mei pada awal bulan depan, sekali gus mampu menstabilkan semua bekalan hasil laut dan harinya," kata Hisham.

Lima vessel, ikan RM1.9 juta dirampas di Langkawi

LANGKAWI — Jabatan Perikanan Negeri Kedah bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Satu menahan lima vessel bersama hasil tangkapan ikan dengan nilai keseluruhan RM1.9 juta.

Kejayaan itu dilakukan menerusi Program Pengawasan, Kawalan dan Pemantauan (MCS) Akta Perikanan 1985 selama lima hari sejak Ahad lalu.

Pengarah Perikanan negeri, Sukri Deris berkata, tiga vessel ditahan di Pulau Langkawi dan dua lagi berhampiran Kuala Kedah dengan hasil tangkapan ikan kira-kira 1,700 kilogram (kg).

Katanya, kesemua vesel didapati melanggar syarat lesen

kerana menangkap ikan di zon tidak dibenarkan serta menggunakan peralatan tidak mengikut spesifikasi.

"Seramai 20 warga asing berusia antara 25 hingga 65 tahun didapati bekerja di atas vessel tersebut," katanya di Pejabat Perikanan Daerah Langkawi di sini semalam.

Menurutnya, terdapat vessel yang ditahan kerana melakukan aktiviti menangkap ikan di sekitar perairan Pulau Payar dan Pulau Segantang yang diwartakan sebagai Taman Laut Negara.

"Ada juga yang menggunakan pukat bersaiz kurang daripada ukuran ditetapkan," jelasnya.



SEBUAH vessel ditahan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan di perairan Langkawi semalam.
- SHAHIR NOORDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Jabatan Perikanan sita bot, hasil tangkapan RM1.9 juta

Oleh NUR AMALINA AZMAN
utusannews@mediamulia.com.my

* **LANGKAWI:** Jabatan Perikanan Negeri Kedah bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Satu menyata lima bot menangkap ikan bersama hasil tangkapan dengan nilai keseluruhan RM1.9 juta menerusi Program Pengawasan, Kawalan dan Pemantauan (MCS) Akta Perikanan 1985 selama lima hari sejak Ahad lalu. Pengarah Perikanan negeri, Sukri Deris berkata, tiga bot ditan di Pulau Langkawi dan dua

lagi berhampiran Kuala Kedah dengan hasil tangkapan ikan kira-kira 1,700 kilogram (kg). Katanya, semua bot didapati melanggar syarat lesen iaitu menangkap ikan di zon tidak dibenarkan serta menggunakan peralatan yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Seramai 20 warga asing berusia antara 25 hingga 65 tahun didapati bekerja di atas bot tersebut," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Perikanan Derah Langkawi disini semalam. Menurutnya, terdapat juga

bot yang ditahan kerana melakukan aktiviti menangkap ikan di sekitar perairan Pulau Payar dan Pulau Segantang yang merupakan Taman Laut Negara. "Ada juga yang menggunakan pukat bersaiz kurang daripada ukuran ditetapkan," jelasnya.

Sementara itu, beliau membetulkan, pada operasi kali ini, tiada bot yang ditahan disebabkan mengubah suai tangki minyak bagi kegiatan penyeludupan diesel. Dalam pada itu, Jabatan Perikanan negeri merekodkan 56 kes tangkapan dan rampasan

di sekitar perairan negeri ini sepanjang tahun lalu. Beliau berkata, sebanyak RM17,800 denda telah dikelaskan selain tindakan lucut hak hasil tangkapan, peralatan menangkap ikan dan bot menangkap ikan telah dikenakan.

Jelasnya, antara kesalahan yang dilakukan vesel ini adalah menangkap ikan di zon yang tidak dibenarkan mengikut lesen bot atau menggunakan peralatan yang dilarang, atau menangkap ikan di kawasan larian seperti di Taman Laut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Harga ikan naik, bekalan kurang

Oleh ROSMIZAN RESDI dan
KAMILIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Kekurangan bekalan ikan segar menyebabkan harga bahan mentah itu melambung sekali gus memberikan ‘tekanan’ kepada pengguna khususnya golongan berpendapatan rendah.

Tinjauan Utusan Malaysia di beberapa kedai yang menjual bahan mentah itu dan pasaran bahas mendapati berlaku kenaikan harga sebanyak RM2 bagi setiap kilogram (kg) ikan.

Jenis ikan yang mengalami kenaikan ialah selar (RM12 kepada RM14), selayang (RM10 kepada RM12) dan siakap (RM30 kepada RM32).

Seorang peniaga, Ahmad Daud, 65, berkata, kenaikan harga ikan dan makanan laut berikut disebabkan nelayan tempatan tidak dapat turun mencari rezeki susulan Monsun Timur Laut.

Menurutnya, kekurangan bekalan bukan sahaja menyebaskan pengguna malah turut memberi kesan kepada peniaga yang terpaksa mendapat bekalan dengan harga yang sedikit mahal.

“Harga ikan dan hasil laut lain sentiasa berubah-ubah terutamanya kerika musim cuaca yang tidak menentu menyebabkan bekalan juga turut berkurangan.

“Keadaan ini pastinya mem-



AHMAD DAUD melihat bekalan ikan segar yang dijual di kedainya di Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.
-UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

tersebut kerana kenaikan hasil laut adalah lumrah setiap kali musim Monsun Timur Laut berlaku di Pantai Timur khususnya di Terengganu.

“Pada hari ini (semalam), harga ikan kembung ialah RM20 untuk satu kilogram (kg), selar satz kecil (RM16), selar saiz besar (RM20), kerisi (RM14 hingga RM16), sardin (RM14) dan tongkol (RM14).

“Harga ikan dijangka kembali turun selepas perayaan Chap Goh Mei kerana cuaca kebaliti itu pun sudah semakin baik dan nelayan kembali turun ke laut seperti biasa,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia,

masih mahal walaupun cuaca semakin baik sejak lebakan-angan ini.

Peniaga mendakwa, kebanyakan nelayan tidak dapat turun ke laut kerana cuaca belum pulih sepenuhnya dan keadaan diburukkan lagi kerana ombak masih tinggi serta bergelora.

Tinjauan Utusan Malaysia di Pasar Chabang Tiga dan Pasar Bulkit Besar di sini mendapati, harga hasil laut yang naik sejak awal Disember lalu masih kekal menyebabkan pengguna mengeluh kerana membantah kewangan mereka.

Seorang peniaga, Zakaria Abdu-

ullah, 38, berkata, kebanyakan pembeli memahami situasi

sementara itu, seorang lagi peniaga, Aisyah Amin, 27, mengaku, beberapa jenis sayur turut menunjukkan peningkatan sehingga lebih sekali ganda sejak akhir-akhir ini.

“Antara sayur yang menunjukkan peningkatan adalah timun yang dijual dengan harga RM7 hingga RM8 sekilogram berbanding RM4 sebelum ini. “Selain itu, lada hijau dijual dengan harga RM28 sekilogram berbanding RM10 sekilogram sebelum ini dan kangkung meningkat kepada RM2 sekilat berbanding RM1 sekilat,” katanya.

Sementara itu di Terengganu,

harga hasil laut seperti ikan, so-

tong dan udang di pasar basah

Headline	Eligible pig farmers to receive cash aid		
MediaTitle	Sin Chew Daily	Color	Full Color
Date	20 Jan 2023	Circulation	288,920
Section	Nation	Readership	866,760
Page No	6	ArticleSize	974 cm ²
Language	Chinese	AdValue	RM 29,337
Journalist	N/A	PR Value	RM 88,011
Frequency	Daily		



報道 黃燕萍 / 伍嘉祥

(亞庇19日訊) 联邦农业及粮食安全部副部长陈泓继表示，政府有提供相关的援助或补贴机制给受非洲猪瘟影响的猪农。

不过，他声明，有关补助仅限于有合法注册的猪农。

“我可以先预告，我们正在重新审查（符合资格者）名单，确保补贴金顺利发放出去。”

他透露，政府去年已经批准一笔款项预算给受影响猪农，但之后并没有发放出去。

春節豬肉供應仍足

陈泓继接受星洲日报专访时说，农粮部相当有信心，全国猪肉供应仍然是应付来农历新年的需求。

他说，本地猪肉供应缺少，猪瘟是主要罪魁，农粮部及兽医局需在预防疫症传染下重手，至于猪肉价格则由内贸部出手。

檢討政策瘡痍值得借鏡

他说，在控防禽畜动物疾病上，联邦政府很大程度上需要相关州政府的支援，而槟州政府今次高调及主动处理非洲猪瘟的手法，值得他效仿。

“在处理灾变性的禽畜相关疾病课题上，政府的公关手法会造就消费者与人们如何看待课题的严重性。槟州政府高调处理，让民众有心理准备猪肉供应会短缺，值得效法。”

他指出，槟州政府把猪瘟课题列为州级灾难，课题被放大处理，而某些州属当政权不认为出现猪瘟乃事态严重，不加以宣扬，等到消费者买贵猪肉时才知道是猪瘟造成。

“槟州政府主动致函联邦当局建议引进越南的非洲猪瘟疫苗，惟由于此疫苗不被联合国承认，大马兽医局没有批准用作防疫措施之一。”

“联邦政府也与兽医局合作监管受影响的农场，控制在方圆5公里之内以防猪瘟传播，甚至安排监察监督，可见槟政府高度重视防控瘟疫，这对抗疫传播甚至教育民众都很重要。”

陈泓继补充，兽医局是从受影响地区的猪样本进行核酸检测、进行PCR检测后确认发生瘟疫，并根据动物指南，实施“级数”检疫。

吁猪农采更安全养殖法

为了避免猪瘟继续肆虐，陈泓继呼吁猪农们必须采用更安全及卫生的养殖法，以避免瘟疫一次又一次的发生，相反而影响猪肉的价格。

東西馬豬肉價不統一 反映大馬三邦自主權

来自沙巴同时也是亚庇区国会议员的陈泓继说道，从全国猪肉价格课题反映出一个有趣现象，即东、西马猪肉价不统一。正好反映马来西亚三邦立国的姿态。

“大马半岛、沙巴和砂拉越的猪肉有不同价位，沙巴甚至有东、西海岸两种价格，相当有趣。而这一点也反映出沙砂的自主权。”

他说，在沙巴政府采取猪肉进口应急措施下，沙巴猪肉供应仍稳定，不过基于消费习性的问题，人们对于新鲜生猪肉的选择与需求，现阶段不容易被满足。

受猪瘟肆虐，饲料价格高升猪农减产的影响，沙巴生猪价格从去年开始连续上涨。

陳泓繼：受豬瘟影響 合格豬農將獲援金

禁帶豬肉乾入境 屬砂自主權

提問沙巴农业有自主权，联邦政府如何协助州政府推动农业生产，陈泓继说，除了稻米以外，东马沙巴和砂拉越在农业及粮食进出口有很大的自主权力。

他说，联邦政府更多在于提供农业生产的产品，协助提高农户社会经济水平。

陈泓继也提到砂拉越政府有权力，禁止人们从境外携带不符合生物安全的食物入境，例如在西马出现非法猪瘟后，不能从西马带猪肉入境砂拉越最近成了话题。

“很多人骂为何从西马带猪肉干进砂拉越就会中罚款，这就是砂拉越的自主权，一般人可能会觉得同一个国家为何如此荒谬。”

“这个其实是生物安全，一般人因少接触所以觉得荒谬。我坐飞机从沙巴降落吉隆坡机场，就会听到机场广播提醒机上乘客不要携带从沙巴来的农产品，因为沙巴有非洲猪瘟。”

蛋价浮动须内阁决定

陈泓继表示，让鸡蛋价格跟市场浮动作为解决鸡蛋供应短缺长期方案的建议牵涉面广，须由内阁通过集体决定。

他指出，尽管国内鸡蛋短缺现象缓和，政府也确保不会发生断供现象，然而有人建议政府应有长远之计，让蛋农因为有市场动力而愿意生产，自给自足。

“有人提议开放蛋价跟市场浮动，但此事牵涉面广，不是农粮部和几个部门说了算，必须是集体的决定。”

他说，农粮部长莫哈末沙布在周一（1月16日）说，农粮部、国内贸易及生活消费部、经济事务部、财政部等部门正在合作，研究针对牲口津贴制度或开放蛋价的可行性。

“就是一体两面的做法，让鸡蛋价格跟市场浮动，与此同时为B40低收入群提供鸡蛋补贴。”

陈泓继表示，农粮部早前已采取应急措施，从印度进口鸡蛋作为稳定内需的短期方案，与此同时该部也将和蛋农合作寻找解决方案，双管齐下。

成功减少鸡蛋短缺

“我们已成功拉近鸡蛋短缺的差距，从去年11月缺口1.57亿个，到了12月仅缺120万个。”

他说，农粮部也通过联邦农业销售局（FAMA）推行鸡蛋供应介入计划，提高国内鸡蛋配额。

他表示，大马是全球五大吃鸡蛋国家，平均每人每天吃一个蛋，需求量庞大，政府的政策是先确保供应充足。

他认为，除了成本因素外，市场缺货是人为监管市场而导致供需不平衡所造成，主要是依斯迈沙比利政府时期实施统制价格太久，造成本地蛋农减少生产便宜鸡蛋。

至于鸡肉，他说目前已恢复正常供应，相信鸡蛋供应很快就会回稳。